



Akta Keupayaan Mental

Proses-Prosesnya secara Ringkas

Risalah ini memberi penjelasan lanjut yang lazim terdapat dalam perbicaraan bagi kes Akta Keupayaan Mental agar anda lebih memahami tentang apa yang dikehendaki dan apa yang anda perlu lakukan. Anda boleh lihat perbezaan antara laluan dipermudah dengan laluan biasa di www.judiciary.gov.sg. Anda boleh menggunakan laluan dipermudah untuk permohonan MCA ini jika tidak terdapat bantahan tentang perlantikan timbalan bagi membantu si pesakit untuk membuat keputusan. Jika terdapat keraguan tentang pemilihan timbalan atau isu-isu lain, atau jika kuasa yang dimohon terletak di luar bidang MCA yang dipermudah, anda perlu memfailkan permohonan MCA ini melalui laluan biasa.

Akta Keupayaan Mental (MCA)

MCA membenarkan penerima kuasa atau timbalan dilantik untuk membuat apa-apa keputusan bagi pihak pesakit yang hilang keupayaan mental mereka.



Siapakah dianggap sebagai pesakit dalam konteks MCA?

- Individu yang kurang keupayaan mental untuk membuat apa-apa keputusan disebabkan fungsi minda atau otak mereka terdapat kecacatan atau gangguan.

Harap maklum bahawa kurang keupayaan mental mesti dibuktikan melalui laporan perubatan secara rasmi.

Bilakah kita perlu membuat permohonan MCA?

Anda perlu membuat permohonan MCA jika:

- Anda mahu Mahkamah melantik seorang "timbang" yang diberi kuasa di sisi undang-undang untuk membuat keputusan bagi pihak rakan atau saudara-mara yang hilang keupayaan mental.

Apa yang Pemohon / Timbalan boleh dan tidak boleh Lakukan

Sebelum Membuat Permohonan	Selepas Mendapat Perintah Mahkamah
<ul style="list-style-type: none">✓ Pastikan permohonannya lengkap dan mempunyai semua maklumat.✓ Pastikan dokumen-dokumen sokongan diberikan.✓ Dapatkan izin daripada orang-orang yang berkaitan.✓ Jika anda memfailkan permohonan melalui laluan dipermudah, pastikan dahulu kuasa yang anda ingin dapatkan termasuk dalam laluan dipermudah.	<ul style="list-style-type: none">✓ Failkan semua laporan kepada Penjaga Awam dengan segera.✓ Anda perlu mematuhi perintah-perintah yang telah dibuat.✗ Jangan buat apa-apa keputusan atau tindakan di luar kuasa yang telah diserahkan kepada anda.✗ Jangan lupuskan harta-benda yang ada dengan menghadiahkannya kepada pihak lain.

Langkah 1 Memilih laluan yang hendak digunakan di bawah

LALUAN DIPERMUDAH

Anda mesti...

- ✓ Dapatkan izin daripada orang-orang yang berkaitan sebelum memohon.
- ✓ Failkan permohonan anda dan masukkan dokumen yang perlu kepada pihak FJC melalui Integrated Family Application Management System (iFAMS).



Nota: Secara amnya, penggunaan wang pesakit dihadkan sebanyak S\$60,000 ke bawah. Imbas kod QR untuk melihat senarai perintah MCA di bawah Laluan Dipermudah.

LALUAN BIASA

Jika...

- ✓ Permohonan anda dibantah oleh sesiapa; atau
- ✓ Perintah yang anda inginkan berada di luar bidang Proses Laluan Dipermudah.

Anda mesti...

- ✓ Failkan permohonan anda dan serahkan apa-apa dokumen yang perlu kepada FJC melalui Biro Perkhidmatan.


Apakah yang berlaku selepas ini?

Langkah 2 Dapatkan Laporan Perubatan

- Dapatkan laporan perubatan daripada doktor untuk mengesahkan hilang keupayaan mental.
- Doktor boleh mengeluarkan laporan ini melalui sistem *online* atau menandatangani affidavit.

Langkah 3 Cara Memfail

- Isi borang dan serahkan dokumen-dokumen yang perlu melalui sistem yang tersedia.



Langkah 4 Mendapatkan Izin

- Orang yang berkaitan (misalnya ahli keluarga pesakit yang terdekat) boleh log masuk dengan menggunakan SingPass untuk memberi izin mereka bagi permohonan yang dibuat.
- Pemohon juga boleh serahkan borang permohonannya dan semua dokumen yang bersangkutan kepada orang tersebut dan memfailkan perakuan bersumpah perkhidmatan melalui sistem iFAMS.

Langkah 5 Prosiding Mahkamah

- Jika Mahkamah perlukan penjelasan, Pemohon akan diminta menyerahkan dokumen tambahan ataupun hadir di Mahkamah.
- Jika tidak diminta memberi penjelasan lanjut, Mahkamah akan menghantar Perintah yang dibuat melalui e-mel.
- Oleh itu, pemohon perlu pastikan alamat e-mel yang dia berikan adalah sah.

Langkah 6 Cara Memfail

- Failkan laporan anda kepada Penjaga Awam.

Adakah anda sendiri yang akan memfailkan permohonan ini atau anda akan mendapatkan bantuan peguam?

Cara Memfailkannya Sendiri

Langkah 2 Menyiapkan dokumen-dokumen anda

- **Saman Pemula:** Nyatakan dengan jelas kuasa jenis apakah yang anda inginkan.
- **Affidavit Pemohon:** Nyatakan fakta-fakta yang berkaitan dan tunjukkan dokumen-dokumen sokongan.
- **Affidavit daripada Doktor dan Laporan Perubatan:** Laporan perubatannya mestilah yang terkini dan bertarikh tidak lebih daripada 6 bulan sebelum permohonan ini.
- **Izin:** Beritahu orang-orang yang berkaitan tentang permohonan ini dan dapatkan tandatangan mereka sebagai bukti izin.

Jika Dibantu oleh Peguam

Step 2 Mendapatkan Bantuan Guaman

- Anda boleh mendapatkan peguam bagi memfailkan permohonan untuk anda. Untuk mendapatkan senarai peguam, anda boleh menghubungi Law Society of Singapore.
- Jika anda Warganegara Singapura atau Penduduk Tetap dan anda telah lulus ujian kemampuan dan ujian merit, anda boleh mendapatkan bantuan guaman (*legal aid*).



Langkah 3 Cara Memfail

- Failkan semua dokumen di Biro Perkhidmatan CrimsonLogic.

Langkah 4 Prosiding Mahkamah


- Hadirkan diri semasa persidangan kes dan perbicaraan.
- Selepas perbicaraan, perintah akan dikeluarkan.
- Perintah ini boleh diperolehi secara memfailkan permohonan di Biro Perkhidmatan CrimsonLogic.

Langkah 5 Cara Memfail

- Failkan laporan anda kepada Penjaga Awam.


Apa akan berlaku jika saya ingin membuat bantahan terhadap permohonan yang dibuat oleh orang lain?

Anda perlu...

Laluan Dipermudah	Laluan Biasa
<ul style="list-style-type: none">Failkan notis bantahan melalui iFAMS sebelum kes tersebut selesai. 	<ul style="list-style-type: none">Failkan permohonan untuk memasukkan diri anda dalam masa 21 hari selepas tarikh penyerahan.Failkan affidavit yang menyebut hak anda dalam permohonan ini dan sebab-sebab mengapa anda membantah. Anda akan diperlukan hadir di perbicaraan kes ini untuk membentangkan hujah-hujah anda di Mahkamah.

Kenapa anda perlu memilih Laluan Dipermudah?

- ✓ **Kos:** Kos memfaikannya lebih rendah.
- ✓ **Jangka masa:** Proses yang lebih singkat.
- ✓ **Keselesaian:** Permohonan secara *online* dan komunikasi melalui e-mel.



Memfailkan permohonan anda

Anda boleh memfailkan sendiri permohonan anda kepada Mahkamah atau dapatkan peguam untuk mewakili anda. Jika anda memfaikannya sendiri, semua peraturan dan prosedur undang-undang mesti dipatuhi. Mahkamah Keadilan Keluarga tidak boleh memberi nasihat undang-undang tentang apa anda perlu katakan atau lakukan dalam permohonan anda itu. Jika anda tidak pasti tentang peraturan dan prosedur undang-undang, sila jumpa peguam untuk mendapatkan nasihat undang-undang.

CrimsonLogic Service Bureau (Laluan Biasa)

1 Havelock Square
Level 2, State Courts
Singapura 059724
No. Tel: 6538 9507

Waktu beroperasi

Isnin ke Jumaat: 8:30 pagi hingga 5 petang
Sabtu: 8:30 pagi hingga 12:30 tengah hari
Ahad dan Cuti Umum: Ditutup

iFAMS Electronic Filing System (Laluan Dipermudah)

Laman Web: <https://ifams.gov.sg>



Memahami Panduan ini

Afidavit: Ia adalah keterangan rasmi secara bertulis untuk membentangkan fakta-fakta kes anda.

Timbalan: Individu yang dilantik oleh Mahkamah untuk bertindak bagi pihak orang yang kurang keupayaan mental ("P").

Penerima Kuasa: Individu yang diberi Surat Kuasa Berkekalan untuk membuat keputusan bagi pihak pemberi kuasa.

Pemberi Kuasa: Individu yang menggunakan Surat Kuasa Berkekalan dengan memberi hak kepada penerima kuasa untuk membuat keputusan bagi pihak dirinya sekiranya beliau kurang keupayaan mental pada masa-masa akan datang.

Saman Pemula:

Satu daripada dua cara untuk memulakan tindakan sivil.

Penjaga Awam: Pegawai yang dilantik untuk membuat dan menyimpan daftar Surat Kuasa Berkekalan, serta memantau para timbalan yang dilantik oleh Mahkamah.

Orang-Orang yang berkaitan:

Individu yang terlibat dengan kehidupan pesakit berkenaan dan/atau mungkin mempunyai hak ke atas permohonan yang dibuat. Selalunya, ahli keluarga terdekat yang dianggap sebagai orang-orang yang berkaitan. Tetapi saudara-mara yang jauh atau bukan ahli keluarga pun boleh dianggap sebagai orang-orang yang berkaitan, bergantung pada fakta setiap kes.

Penafian

- Carta aliran ini cuma menunjukkan proses yang lazim dilakukan. Hakim mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk memberi arahan bagi menentukan jalan terbaik manakah yang boleh diambil pada bila-bila masa.
- Penerbitan ini adalah untuk maklumat sahaja. Ia bukan nasihat guaman dalam bentuk apa sekalipun dan ia tidak merujuk kepada mana-mana kes tertentu.
- FJC tiada kena-mengena dengan mana-mana atau kesemua perkara yang terkandung dalam penerbitan ini.
- Dapatkan nasihat guaman jika anda merasa ragu.